

B554

MAHATHIR - EXCO

1981

KUALA LUMPUR, 2 SEPT. (BERNAMA)— DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS MESYUARAT NEGERI (EXCO) AKAN DIBERHENTIKAN SEKIRANYA MEREKA TIDAK MENINGGALKAN URUSAN PERNIAGAAN MASING-MASING.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA TIDAK MEMPUNYAI PILIHAN LAIN, KECUALI MENINGGALKAN PERNIAGAAN ATAU PROFESION MASING-MASING JIKA MAHU TERUS BERKHIDMAT SEBAGAI ANGGOTA EXCO NEGERI.

KATANYA LANGKAH KERAJAAN MENAIKKAN ELAUN SERTA MEMBERI KEMUDAHAN SEPERTI KENDERAAN DAN PEJABAT IALAH UNTUK MEMPASTIKAN MEREKA BERTUGAS SEPENUH MASA UNTUK KERAJAAN NEGERI.

KERAJAAN PUSAT MAHU MELIHAT SEMUA PIHAK MEMATUHI PERATURAN ITU YANG DIKELUARKAN SEJAK TAHUN LALU, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT KABINET DI SINI.

--BERSAMBUNG 1630/AH

MAHATHIR - EXCO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMBENARKAN AHLI-AHLI EXCO MENJALANKAN PERNIAGAAN ATAU PROFESION MEREKA DI MASA LALU KERANA ELAUN YANG MEREKA TERIMA TIDAK DAPAT MENAMPUNG KEGIATAN SEBAGAI WAKIL RAKYAT DAN EXCO NEGERI.

BAGAIMANAPUN TERDAPAT PERTELINGKAHAN KEPENTINGAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN SESUATU PROJEK PEMBANGUNAN APABILA SYARIKAT-SYARIKAT KEPUNYAAN AHLI EXCO TERLIBAT.

PERKARA TERSEBUT TIDAK AKAN BERLAKU LAGI DENGAN ADANYA PERATURAN BARU YANG MEMERLUKAN PARA EXCO BEKERJA SEPENUH MASA.

BAGAIMANAPUN ANGGOTA EXCO YANG MEMILIKI SYARIKAT PERNIAGAAN BOLEH MEMINDAHKAN TANGGUNGJAWAB DAN PENGURUSAN SYARIKAT MASING-MASING KEPADA ORANG LAIN TERMASUK KELUARGA MEREKA SENDIRI.

MENJAWAB SATU PERTANYAAN, PERDANA MENTERI BERKATA PARA MENTERI DAN EXCO KERAJAAN NEGERI BELUM LAGI MEMBUAT PERNGISTIHARAN HARTA KERANA BORANG BERKENAAN BELUM SIAP.

IA BUKAN MERUPAKAN SUATU BORANG BIASA, SEBALIKNYA SETIAP ANGGOTA EXCO DIKEHENDAKI MEMBUAT PENGISTIHARAN DI HADAPAN PESURUHJAYA SUMPAAH. --BERSAMBUNG 1645/AH

B560

MAHATHIR-EXCO 3 KUALA LUMPUR

KERAJAAN AKAN MENWUJUDKAN JENTERA TERTENTU UNTUK MENYEMAK ATAU MEMERIKSA SEBARANG PENGISTIHARAN YANG MERAGUKAN, KATANYA.

MENYENTUH TENTANG SISTEM KAD WAKTU BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA LANGKAH TERSEBUT AKAN MEMPASTIKAN PARA KAKITANGAN KERAJAAN TIDAK MENGHABISKAN WAKTU PEJABAT SECARA MEMBAZIR.

KERAJAAN AKAN MEMBERIKAN WAKTU TERTENTU UNTUK MEREKA BEREHAT.

MENGULAS KENYATAAN PENERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA DATUK LEE BOON PENG TENTANG PERHATIAN YANG KURANG TERHADAP BEBERAPA SYOR JAWATANKUASA ITU OLEH JABATAN-JABATAN KERAJAAN, BELIAU BERKATA KERAJAAN PIMPINANNYA AKAN MEMBERI PERHATIAN BERAT TERHADAP SYOR DAN TEGURAN JAWATAN KUASA ITU. BELIAU AKAN MEMASTIKAN PELAKSANAAN SETIAP SYOR DAN CADANGAN YANG SESUAI DAN MAMPU DIKENDALIKAN OLEH KERAJAAN.

—BERSAMBUNG 1650/AH

B570:

MAHATHIR -EXCO 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG MEWAJIBKAN SEMUA PENGUASA MENJAGA KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN KAWASAN SEKITAR MASING-MASING.

PERATURAN ITU YANG MELIPUTI SELURUH NEGARA AKAN JUGA MEWAJIBKAN PARA PENGUSAHA MENJAGA KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN DI LUAR KAWASAN PAGAR BANGUNAN DAN KILANG MASING-MASING HINGGA KE BATAS JALANRAYA UMUM, KATANYA.

KATANYA, LANGKAH ITU ADALAH SEBAHAGIAN DARI RANCANGAN UNTUK MENGEKALKAN KEBERSIHAN DAN MENGINDAHKAN NEGARA UNTUK KEHIDUPAN YANG LEBIH SELESA DAN DENGAN ITU SEMUA PIHAK HENDAKLAH BEKERJSAMA MENJAYAKANNYA.

BELIAU TELAH MENGARAHKAN SEMUA BAGUNAN KERAJAAN DIJAGA DENGAN RAPI SERTA DITANAM DENGAN POHON-POHON HIASAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA KESAL DENGAN KEADAAN TANDAR UMUM DI SELURUH NEGARA YANG KEBANYAKAN DALAM KEADAAN YANG TIDAK MEMUASKAN, DAN INI MEMBERI IMEJ BURUK TERHADAP NEGARA.

BELIAU MENINGATKAN SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENGURUSKAN TANDAS-TANDAS UMUM SUPAYA MEMPERBAIKI KEADAAN ITU DENGAN SEGERA.

— BERNAMA 1755X1B